

P.U. (A) 118.**AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN
PENYAKIT BERJANGKIT 1988****PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(PENGKOMPANUNAN KESALAHAN-KESALAHAN) (PINDAAN) (No. 3) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengkompunan Kesalahan-Kesalahan) (Pindaan) (No. 3) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2020.

Pindaan Jadual Pertama

2. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengkompunan Kesalahan-Kesalahan) 1993 [*P.U. (A) 327/1993*] dipinda dalam Jadual Pertama dengan memasukkan selepas perenggan 5 perenggan yang berikut:

“6. Semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 3) 2020 [*P.U. (A) 117/2020*].”.

Dibuat 14 April 2020

[KKM. 600-29/4/146 Jld. 2 (30); PN(PU2)470/VI]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan